

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7840**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab abang kepada Ketua Polis Negara dan para demonstrasi yang menentang Gereja di Taman Medan, Petaling Jaya tidak ditahan, digari dan direman sebagaimana dikenakan ke atas pemimpin Pakatan Rakyat dan wartawan Malaysian Insider sebelum ini. Apakah tindakan polis ke atas protes ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya pada 20 April 2015. Pihak polis telah membuka kertas siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan. Dalam kejadian tersebut, terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut. Tiada tangkapan dibuat terhadap mereka yang terlibat dalam perhimpunan tersebut memandangkan kesemua mereka yang diarahkan hadir ke balai polis untuk membantu siasatan telah hadir memberikan keterangan penuh, maka tiada keperluan untuk ditahan reman, digari dan ditahan bagi melengkapkan siasatan.**

**Pihak polis akan menjalankan siasatan tanpa mengira kedudukan dan fahaman politik seseorang dan siasatan yang dijalankan adalah telus dan *“without fear or favour”*.**